

02 DEC 1998

SEPAK TAKRAW: 30 REGU SERTAI TERBUKA LANGKAWI

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Sebanyak 30 regu dari negeri-negeri di utara Semenanjung mengesahkan akan mengambil bahagian pada Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Perilly's Langkawi 1998 di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat di sini mulai Jumaat ini.

Kejohanan merebut Piala Lagenda itu dianjurkan oleh Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) dan Redcreative Sdn Bhd. Ia disertai oleh pasukan-pasukan dari Pulau Pinang, Kedah, Perlis.

Pertandingan ini adalah sebahagian daripada aktiviti sampingan "Karnival Udara Langkawi 1998" (LAC).

Pengerusi jawatankuasa kerja LAC 1998 Encik Mansor Haji Ismai hari ini berkata pertandingan itu diharap dapat memeriahkan lagi LAC yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 5 Dis ini.

Beliau berkata juara akan menerima hadiah wang tunai RM750 dan sebuah piala, manakala naib johan RM500.

Mansor berkata satu pertandingan bola sepak jalanan juga akan diadakan sempena LAC dengan setiap pasukan memerlukan hanya tiga pemain untuk bertanding.

Pertandingan itu terbuka kepada pengunjung LAC. Turut diadakan ialah pertandingan bola tampar jalanan.

-- BERNAMA

ZI ZB